

Link:

[Kos sara hidup: Isi rumah korbakan simpanan jangka panjang - Sun Life](#)

Berita Harian
5 Julai 2026

Kos sara hidup: Isi rumah korbakan simpanan jangka panjang - Sun Life

Oleh Mahanum Abdul Aziz - Julai 5, 2026 @ 2:26pm



KUALA LUMPUR: Kos sara hidup yang berterusan meningkat menyebabkan isi rumah di Malaysia membuat kompromi kewangan jangka pendek bagi mengekalkan kemampuan berbelanja, menurut laporan terkini Indeks Daya Tahan Kewangan 2026 Sun Life.

Namun, laporan yang dijalankan pada Mei membabitkan 1,000 responden di Malaysia itu menjelaskan bahawa langkah berkenaan menyebabkan isi rumah di negara ini terpaksa mengorbankan jaminan kewangan mereka untuk jangka panjang.

Laporan terkini itu menunjukkan lebih lapan daripada 10 responden mengakui inflasi menyukarkan mereka menampung perbelanjaan bulanan memandangkan peningkatan kos itu menyebabkan isi rumah mempunyai ruang yang amat terhad untuk membuat pelarasan kewangan.

Kenaikan kos paling ketara dirasai bagi barangan keperluan harian dengan peningkatan kos barangan runcit menjejaskan 94 peratus responden, diikuti oleh utiliti (92 peratus), bahan api pengangkutan (94 peratus), penjagaan kesihatan (89 peratus) dan bahan api memasak (89 peratus).

Bagi menghadapi tekanan kewangan yang semakin mendesak, ramai terpaksa membuat pilihan sukar apabila 27 peratus responden menggunakan simpanan sedia ada bagi menampung perbelanjaan harian.

Presiden dan Ketua Negara Sun Life Malaysia, Ho Teck Seng, berkata indeks menunjukkan daya tahan kewangan secara keseluruhan semakin lemah di seluruh negara.

Beliau berkata, peratusan penduduk yang sangat berdaya tahan telah menurun daripada 30 peratus pada 2025 kepada 22 peratus pada 2026, dengan lebih banyak isi rumah kini jatuh ke peringkat rendah.

"Isi rumah ini masih menguruskan kewangan harian, tetapi dengan penampakan yang lebih nipis dan kurang perlindungan terhadap peningkatan kos atau kejutan pendapatan.

"Hanya 11 peratus daripada semua responden mengatakan mereka rasa selamat sepenuhnya mengenai keadaan kewangan mereka," katanya dalam laporan itu.

Mengulas lanjut, Teck Seng berkata, tekanan kos sara hidup juga menyumbang kepada perancangan kewangan yang lebih pendek.

Beliau berkata, lebih separuh merancang tidak lebih daripada setahun dan hanya 30 peratus mengatakan mereka boleh menanggung diri mereka melebihi enam bulan tanpa sokongan kewangan luaran sekiranya kehilangan pekerjaan atau penyakit.

"Justeru, membina daya tahan hari ini memerlukan lebih daripada sekadar menangani perbelanjaan yang semakin meningkat. Ia bermaksud memperkukuhkan simpanan, perlindungan dan perancangan kewangan untuk masa depan.

"Kami kekal komited untuk membantu pelanggan mengharungi ketidakpastian dengan yakin dan mengambil langkah praktikal ke arah mencapai keselamatan kewangan sepanjang hayat," katanya.